

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(II)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN JAWI
YB. H'NG MOOI LYE**

22. Sila nyatakan semua rumah kos rendah diikuti dengan nama, lokasi, dan bilangan unit untuk setiap kawasan di bawah DUN JAWI.
- (a) Minta berikan bilangan unit dan jumlah bayaran tunggakan di setiap kawasan rumah kos rendah yang mempunyai tunggakan bil cukai pintu MPSP.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

22. Secara keseluruhan terdapat sebanyak 17 skim perumahan dengan 2,442 unit rumah kos rendah di dalam KADUN Jawi. Senarai nama skim dan bilangan unit di KADUN tersebut adalah seperti di Lampiran A.
- (a) Daripada jumlah tersebut, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) merekodkan sejumlah 626 unit yang mempunyai tunggakan cukai taksiran. Sehingga Julai 2018, jumlah keseluruhan tunggakan cukai taksiran yang direkodkan adalah sebanyak RM279,577.70. Selain itu, prestasi kutipan daripada bulan Januari sehingga Julai 2018 adalah sebanyak RM10,861.85. Manakala, prestasi kutipan tahunan cukai taksiran bagi tahun 2016 dan 2017 adalah dicatatkan sebanyak masing-masing RM66,171.30 dan 44,266.51.